

08/06/2002

Pemuda syor pemilihan parti selepas pilihan raya

Rokaid Chik

KOTA BHARU, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno sudah mencadangkan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pemilihan pucuk pimpinan tertinggi parti diadakan selepas pilihan raya umum ke-11 bagi mengelak perpecahan sesama ahli.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata ini kerana berdasarkan pengalaman lalu, pemilihan itu menyaksikan ahli dan pemimpin bertelagah, sekali gus merugikan parti.

"Tumpuan utama kita sekarang sewajarnya cenderung ke arah usaha merapatkan barisan dan mengukuhkan keseluruhan jentera Umno di semua peringkat.

"Sekarang bukan masa sesuai untuk mengadakan pemilihan peringkat pucuk pimpinan parti. Pemuda berpendirian bahawa pemilihan wajar dibuat selepas pilihan raya umum.

"Kita perlu menggunakan masa yang ada untuk berusaha merapatkan jentera parti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini, hari ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, keadaan dan perkembangan semasa menunjukkan pengaruh Umno pada tahap membanggakan.

Sehubungan itu, katanya, semua pihak perlu memberi sepenuh perhatian terhadap usaha memenangi pilihan raya umum, di samping merampas kembali pemerintahan Kelantan dan Terengganu daripada pembangkang.

"Pemerhatian kita mendapati rakyat di Kelantan dan Terengganu sudah serik dan mulai muak dengan janji kosong serta tindak-tanduk pembangkang," katanya.

Justeru, Hishammuddin mengingatkan barisan Pemuda Umno di seluruh negara supaya bekerja lebih keras untuk memantapkan jentera pilihan raya pada semua peringkat selain mengelak sebarang bentuk perpecahan.

Katanya, kesedaran terhadap perjuangan parti harus diterjemahkan menjadi gerakan yang lebih besar bagi menyemarak semangat ahli dan menggempur pembangkang.

Dalam perkembangan lain, Hishammuddin berkata, kementeriannya sudah meluluskan peruntukan bagi mewujudkan cawangan Majlis Sukan Negara (MSN) di Terengganu.

Katanya, penubuhan cawangan itu bertujuan memastikan belia dan sukan di negeri itu terus berjalan berikutan tiada sokongan daripada kerajaan negeri untuk tujuan berkenaan.

(END)